

## **MENGUKUR KESEJAHTERAAN KOMUNITI LOKAL: KAJIAN KES HASIL TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PERLOMBONGAN DAN KILANG NIKEL DI INDONESIA**

*(Measuring of Local Community Well-Being: A Case Study of Benefits of Corporate Social Responsibility of Nickel Mining and Industry In Indonesia)*

Iskandar Zainuddin Rela, Abd Hair Awang, Zaimah Ramli & Suhana Saad

### **ABSTRAK**

Sektor perlombongan dan kilang nikel di Sulawesi Tenggara Indonesia merupakan sumber alam yang dapat memberikan manfaat terhadap kesejahteraan komuniti atau *community well-being* (CWB). Tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) daripada aktiviti perlombongan oleh syarikat perlu memenuhi cabaran pihak yang berkepentingan dan perubahan-perubahan pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dimensi kesejahteraan komuniti tempatan setelah mengaplikasikan program CSR. Pemboleh ubah CWB yang diukur adalah sosial, pemeraksanaan ekonomi dan persekitaran. Kajian melibatkan 490 orang responden dalam komuniti tempatan, menggunakan borang soal selidik dan data dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Package for the social science* (SPSS.22). Dapatan kajian mendapati bahawa secara umum amalan CSR yang telah dijalankan memberikan manfaat atau menyokong dimensi kesejahteraan komuniti. Walau bagaimanapun, dimensi pendidikan dan infrastruktur memiliki kesan kategori sederhana daripada amalan program CSR. Implikasi kajian ini mencadangkan pihak syarikat dapat meningkatkan perhatian dan membuat perencanaan tindakan ekonomi dan lingkungan bagi mendukung kesejahteraan komuniti secara lestari.

**Kata kunci** : kesejahteraan komuniti, kesejahteraan sosial, kesejahteraan ekonomi, kesejahteraan persekitaran, tanggungjawab sosial korporat.

### **ABSTRACT**

The mining and nickel industry sector in Indonesia is a potential natural resource that can give benefit on the community well-being (CWB). Corporate social responsibility (CSR) from mining activities by companies should address the challenges of stakeholders and social, economic and environmental development changes. The paper aims to identify the dimensions of the community's well-being after receiving CSR program practices. CWB Dimensions are social, economic empowerment and environment. The study involved a total of 490 respondents in the local community, using questionnaires and data analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS.22) method. The findings of the study found that in general CSR practices were conducted in relation to the community's dimensions of wellbeing. The dimensions of economic and environmental have medium level impact from the practice of CSR programs. the

implications in this study recommend that it is still crucial for the company to increase attention and make economic and environmental action planning in an integrated community welfare.

**Key Words** : Community well-being, social well-being, economic well-being, environmental well-being, corporate social responsibility.

## **PENDAHULUAN**

Untuk kesinambungan kehidupan manusia memerlukan sumber alam seperti tanah, air dan udara. Namun ketersediaan sumber alam yang diperlukan adalah terbatas. Maka perlu pengurusan yang baik, bertanggungjawab dan menggunakannya secara bijaksana. Pengaruh persekitaran seringkali mempengaruhi kelangsungan aktiviti manusia. Dalam Undang-undang Dasar Indonesia Tahun 1945 pasal 33, manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya memerlukan sumber alam. Pernyataan ini bermakna bahawa dalam meningkatkan kesejahteraan manusia terutama untuk memperoleh pendapatan dan kesempatan, kegiatan perlombongan dan kilang nikel merupakan salah satu faktor utama agar ekonomi dapat ditingkatkan. Aktiviti perlombongan dan kilang dapat menyebabkan perubahan sosial, ekonomi dan kawasan persekitaran.

Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) oleh syarikat perlombongan dan kilang nikel diharapkan dapat meningkatkan kepedulian kualiti kehidupan, hubungan sosial dan kualiti persekitaran. CSR di Indonesia dianggap sebagai salah satu kewajipan yang harus dilaksanakan oleh perusahaan, selaras dengan pasal 74 Undang- Undang Perseroan Terbatas (UUPT) yang baharu iaitu UU Nombor 40 Tahun 2007. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah kewajipan yang ditetapkan ke atas semua organisasi perniagaan baik sektor awam dan swasta. Adalah menjadi kewajipan majikan mengikut peraturan yang dikehendaki dari segi nilai komuniti dan matlamat (Bowen, 1953). Manakala Arnold (2010) menjelaskan dan percaya bahawa manfaat pertama yang mengalir dari CSR meningkatkan hubungan antara syarikat dan masyarakat. Matten dan Moon (2008) mentakrifkan CSR sebagai dasar tindakan yang diambil oleh pihak-pihak untuk memperlihatkan tanggungjawab mereka untuk memajukan kepentingan sosial. Walau bagaimanapun menurut Kotler & Lee (2005) tanggungjawab sosial korporat meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui penggunaan sumber syarikat.

Setiap syarikat dijangka memberi kesan positif terhadap kebajikan komuniti menerusi program CSR. Menurut Murphy (2010) dan Hart (1999) berpendapat bahawa kesejahteraan masyarakat adalah kerangka konseptual yang menggabungkan dimensi sosial, ekonomi, alam sekitar, budaya, dan politik yang dikenal pasti oleh individu dan masyarakat. Masyarakat sebagai penghubung dengan unsur-unsur kepuasan hidup yang tidak dapat ditentukan dari segi pertumbuhan ekonomi tetapi kebajikan dipengaruhi oleh persepsi peribadi dan kesejahteraan fizikal. Begitu juga pernyataan oleh Lee dan Kim (2015) beliau mendefinisikan kesejahteraan masyarakat sebagai gabungan beberapa faktor domain seperti sosial, ekonomi, budaya, alam sekitar, dan politik. Syarikat-syarikat dalam sektor nikel di Indonesia akan dapat berjalan lancar pada masa akan datang jika mereka memberi perhatian kepada peranan CSR dengan baik kepada dimensi kesejahteraan komuniti.

CSR harus menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti (Kotler & Lee, 2005) dengan mengambil kira jangkaan pihak berkepentingan (Freeman, 1984; Russo & Perrini, 2010; Shengtian, Weihui & Xiaosong, 2010). Dalam usaha untuk mengukur prestasi CSR, terdapat empat aspek penting elemen iaitu ekonomi, undang-undang, etika dan

kedermawanan (Carrol, 1991). Dalam kajian Ismail, Alias, & Mohd Rasdi (2015) didapati bahawa piramid CSR yang merangkumi unsur ekonomi, undang-undang, etika dan kedermawanan secara positif berkaitan dengan pembangunan masyarakat. Charitoudi, Giannarakis & Lazarides, (2011) menunjukkan prestasi CSR mempengaruhi alam sekitar dan sosial seperti masyarakat, alam sekitar, dan tempat kerja. Ini bermakna bahawa CSR dapat membawa perubahan terhadap pelbagai dimensi kesejahteraan masyarakat dan faktor-faktor ini dapat menjadi sokongan dalam kesinambungan perniagaan industri perlombongan nikel di Indonesia. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap dimensi kesejahteraan komuniti setelah melaksanakan amalan program CSR.

## **SOROTAN KARYA**

### *Kesejahteraan Komuniti*

Komuniti adalah sekumpulan individu yang saling peduli antara satu sama lain dan tempat yang mereka tinggal membuatkan mereka berinteraksi pada setiap hari (Flint, Luloff dan Finley, 2008). Dalam erti kata lain, komuniti wujud akibat kesan daripada interaksi sosial. Komuniti sama ada berdasarkan tempat seperti perbandaran, kejiranan, atau ditakrifkan oleh minat (Murphy, 2007). Bagi komuniti berasaskan tempat, kesejahteraan adalah biasanya difahami sebagai persekitaran fizikal di mana dimensi kesejahteraan terbukti. Ini termasuk dimensi sosial merangkumi psikologi, budaya, rohani, ekonomi, dan alam sekitar (Christakopoulou et al, 2001).

Konsep kesejahteraan sering digunakan secara bergantian dengan konsep-konsep seperti kualiti kehidupan dan juga dapat dijadikan item seperti kebajikan, kesihatan dan kemampuan. Walaupun tidak ada definisi yang disepakati secara jelas, definisi yang diterima secara meluas menunjukkan bahawa kesejahteraan terdiri daripada sesuatu yang melampaui ketiadaan penyakit atau sebarang bentuk kesusahan. Kesejahteraan mampu menyumbang kepada unsur-unsur kepuasan kehidupan yang tidak dapat ditentukan oleh pertumbuhan ekonomi sahaja. Kesejahteraan turut boleh dipengaruhi oleh persepsi peribadi yang merangkumi kesejahteraan subjektif dan keadaan fizikal yang dirangkumi oleh kesejahteraan objektif. Kesejahteraan turut boleh diukur berdasarkan individu, komuniti dan negara.

Menurut Murphy (2010), terdapat tiga konsep pendekatan umum untuk mengukur kesejahteraan masyarakat iaitu yang pertama ialah pembangunan mampan atau *sustainable development* (SD). Pembangunan mampan adalah pembangunan masyarakat yang membawa kepada perubahan bagi penyusunan semula semua sumber dengan menggabungkan modal kewangan, kemahiran tempatan, dan sumber alam yang sedia ada. Sekiranya masyarakat mahu menggunakan pendekatan SD maka, mereka perlu menggunakan dimensi ekonomi, alam sekitar dan sumber sosial. Konsep kedua ialah berkaitan dengan kesihatan dan kualiti kehidupan. Pendekatan ini menfokuskan tentang bagaimana manusia dapat hidup secara sihat dan berkualiti. Pendekatan ini sangat banyak digunakan di negara-negara maju dalam mengkaji dan meneroka aspek kesejahteraan sosial. Antara pendekatan yang digunakan adalah model BC komuniti sihat (*BC Healthy Communities*). Pendekatan komuniti sihat yang sangat menyerupai pendekatan SD ditunjukkan oleh beberapa faktor penentu iaitu a) Sosial yang terdiri daripada dasar awam, pendidikan, perumahan, penjagaan kanak-kanak, pengangkutan, udara dan kualiti air, keselamatan makanan, reka bentuk kejiranan, perkhidmatan serta sokongan yang boleh diakses, b) Alam sekitar yang merangkumi ekosistem yang sihat, kualiti udara dan air, kehijauan serta

ruang, c) Ekonomi yang diperlihatkan melalui perniagaan tempatan yang berkembang maju, ketahanan ekonomi, pekerjaan yang stabil, tempat kerja keluarga yang mesra, d) Penentu fizikal iaitu badan yang sihat, aktiviti fizikal, diet, penggunaan / penyalahgunaan bahan, seks selamat. e) Psikologi dan rohani yang terdiri daripada minda yang sihat, semangat yang kuat, gaya hidup sihat, rasa kepunyaan, tujuan, harga diri yang tinggi, realisasi diri, f) Kebudayaan yang terserlah melalui identiti komuniti, persekitaran komuniti yang sihat, nilai budaya yang dipertahankan, kepelbagaian, kebanggaan, harapan dan penyertaan. Konsep ketiga adalah pendekatan berpusatkan ekonomi contohnya indeks pembangunan produk domestik.

Murphy (2010) dan Hart (1999) menyimpulkan bahawa CWB adalah kerangka penilaian konseptual yang menggabungkan dimensi sosial, kondisi ekonomi, lingkungan, budaya, dan politik yang diidentifikasi oleh individu serta masyarakat. Masyarakat sebagai penghubung unsur-unsur kepuasan hidup yang tidak dapat didefinisikan secara pertumbuhan ekonomi sahaja tetapi kesejahteraan turut dipengaruhi oleh persepsi peribadi dan kesejahteraan fizikal. Lee dan Kim (2015) mendefinisikan CWB sebagai gabungan beberapa faktor domain seperti sosial, ekonomi, budaya, persekitaran, dan politik. Ini bermakna, kesejahteraan masyarakat adalah berfokus terhadap faktor kuantiti dan kualiti dan memanfaatkan pengukuran objektif serta subjektif. Pengukuran tersebut mampu untuk membezakan antara kebahagiaan, kualiti hidup, pengembangan masyarakat dan kesejahteraan komuniti. Kesejahteraan masyarakat adalah sebuah konsep yang lebih komprehensif. Manakala kebahagiaan pula berfokus kepada pengukuran kuantiti dan bersifat subjektif. Sementara kualiti hidup berfokus kepada pengukuran kualiti dan bersifat objektif. Dalam kajian tersebut mereka menyimpulkan bahawa CWB merupakan konsep yang lebih dinamis yang mengambil pendekatan serta usaha untuk memperkasakan komuniti.

### *Dimensi Kesejahteraan Komuniti*

Satu kajian di Queensland yang dilakukan oleh Miles et al. (2008) tentang pengukuran kesejahteraan komuniti, mendapati bahawa kesejahteraan komuniti umumnya terdiri daripada daya usaha untuk mengoptimalkan ekonomi, persekitaran dan sosial. Dapatan tersebut mencerminkan pendekatan *triple-bottom-line* secara berterusan. Pengukuran kesejahteraan masyarakat adalah cara kerajaan, masyarakat dan perencana untuk memahami serta mengevaluasi program jangka masa panjang untuk sesebuah daerah. Terdapat enam aspek domain yang perlu diketahui oleh kerajaan dan masyarakat yang dilihat sebagai asas kebijakan dalam membuat kerangka kesejahteraan komuniti. Terdapat lima kebijakan dalam membuat model kerangka kesejahteraan komuniti iaitu ekonomi (*economic*), sosial (*social*), persekitaran (*Environmental*), budaya (*cultural*) dan pemerintah (*governance*).

Menurut Christakopoulou, Dawson dan Gari (2001) mengemukakan bahawa terdapat enam aspek untuk mengukur kesejahteraan komuniti iaitu tempat tinggal, aspek sosial, ekonomi, politik, personal dan tingkah laku peribadi. Kesejahteraan komuniti dapat diukur daripada profil mereka, seperti tahap pendidikan, tingkat pendapatan, jumlah kawasan hutan, dan menggambarkan hal-hal yang berlaku pada masa sekarang serta dapat menunjukkan bagaimana hal telah berubah dari waktu ke waktu yang menggambarkan keadaan yang lebih baik (Beckley, Parkins dan Stedman, 2002).

Murphy (2010) juga menjelaskan bahawa untuk mengukur kesejahteraan komuniti dapat digolongkan kepada tiga kategori umum iaitu: 1) Pembangunan secara berterusan, 2) Kesihatan dan kualiti hidup dan 3) Pendekatan Ekonomi berpusat. Komuniti yang ingin menggunakan

Pendekatan *Sustainable Development* biasanya akan menggunakan peluang ekonomi, persekitaran dan sumber daya sosial yang sedia ada (Rogers dan Ryan, 2001). Pendekatan komuniti yang sihat mirip dengan pendekatan pembangunan berterusan (*sustainable development*) seperti yang telah dilaksanakan oleh *BC Health Communities*. Faktor-faktor penentu kesihatan adalah: 1) Sosial seperti dalam bidang pendidikan, perumahan, kemudahan rawatan perubatan anak pekerja, pengangkutan, udara dan kualiti air, sumber makanan, persekitaran serta perkhidmatan yang ditawarkan 2) Persekitaran iaitu ekosistem yang melibatkan persoalan mengenai kesihatan yang melibatkan kualiti udara dan air serta perhutanan 3) Ekonomi yang terdiri daripada perniagaan tempatan, ketahanan ekonomi, kestabilan pekerjaan dan tempat kerja yang mesra keluarga 4) Kesihatan fizikal seperti sihat tubuh badan, aktiviti fizikal, diet, penggunaan zat / penyalahgunaan dadah, seks selamat 5) Psikologi dan spiritual yang merangkumi fikiran sihat, semangat yang kuat, gaya hidup sihat, rasa memiliki, tujuan, harga diri yang tinggi, 6) Budaya yang beridentitikan masyarakat; visi bersama masyarakat yang sihat, nilai-nilai budaya yang eksklusif, mempunyai keragaman, kebanggaan, harapan, dan penglibatan (Murphy, 2010). Pendekatan ekonomi biasanya dapat menentukan kesejahteraan. Kesejahteraan adalah manfaat individu bermula daripada memproses dan menggunakan barang serta perkhidmatan dari semasa ke semasa. Kesempatan memproses dan mengeluarkan barangan, berkait rapat dengan kekayaan. Kekayaan adalah jumlah sumber daya yang tersedia untuk mendukung individu atau masyarakat.

Indeks Kanada Well-being (CIW) digunakan untuk mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Kanada. Dilancarkan pada tahun 2009 dengan menggunakan lapan domain yang mempunyai saling kaitan atau kategori yang terdiri daripada kesihatan, standard hidup, komuniti, persekitaran, budaya, pendidikan, waktu penggunaan, dan muafakat. Selain daripada itu, indeks kesejahteraan masyarakat juga didasari oleh Indeks Pembangunan Manusia. Indeks Pembangunan Manusia merupakan perkembangan daripada ketidakpuasan hati terhadap pengukuran *Gross Domestic Product* (GDP). Indeks Pembangunan Manusia yang menggunakan harapan hidup semasa lahir, pendidikan orang dewasa dan GDP perkapita untuk mengukur kesejahteraan. Kesejahteraan masyarakat menggabungkan unsur indeks pembangunan manusia dan analisis tingkat masyarakat. Indikator kesejahteraan adalah merangkumi pendidikan, partisipasi angkatan kerja dan lapangan kerja, pendapatan dan perumahan (Beavon, Spence & White, 2007 dipetik dalam Murphy, 2010)

Menurut Buot et al. (2010) menyatakan bahawa indikator kesejahteraan komuniti di desa yang mengalami bencana di Filipina adalah terdiri daripada sektor pendidikan, perniagaan, sosial kemasyarakatan, pemerintah tempatan dan organisasi awam. Dalam dapatan kajiannya menyimpulkan bahawa kepercayaan kepada pemimpin tempatan dalam penglibatan perancangan terhadap pengurangan bencana adalah sangat efektif. Sementara Ramsey dan Smit (2002) dalam kajiannya mendapati model kesejahteraan masyarakat dalam pelaksanaan pertanian tembakau di Ontario, Kanada ditafsirkan sebagai saling berkaitan dengan kondisi struktural dan fungsi fizikal, psikologi, sosial, dan ekonomi masyarakat desa, termasuk individu serta interaksi mereka dalam kawasan persekitaran luar bandar.

Indikator model kesejahteraan komuniti turut diuji dalam bidang perkhidmatan kesihatan menurut perspektif seorang pengurus. Terdapat empat faktor efektif dalam kesejahteraan komuniti di kawasan desa iaitu dimensi fizikal, psikologi, sosial dan ekonomi. Dalam kajian yang menggunakan teknik temu bual baik secara langsung mahupun melalui telefon dan soalan soal selidik yang berbentuk semi struktural, dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi sosial

dan perkhidmatan kesihatan memberikan impak terhadap kesejahteraan komuniti di kawasan desa (Ramsey dan Beesley, 2007).

Morton & Edwards (2012), dan Walton, McCrea, & Leonard, (2014) (2014) mengemukakan dimensi yang berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat adalah dimensi sosial, ekonomi, persekitaran, politik, kesihatan, fizikal dan tempat tinggal. Dimensi ini menjadi penting sebagai indikator ketika ada masalah atau perubahan yang dihadapi oleh masyarakat yang berlaku secara tiba-tiba seperti bencana alam, pembangunan bandar atau pencemaran alam yang kemudian memberikan kesan kepada sumber daya masyarakat.

Sementara itu, *Organisation For Economic Cooperation and Development* (OECD) (2016) menetapkan Indikator kesejahteraan kepada tiga bahagian iaitu 1) Aspek material yang melibatkan pendapatan, pekerjaan dan perumahan 2) Kualiti hidup seperti kesihatan, pendidikan, keamanan, penglibatan masyarakat, akses dan perkhidmatan 3) Masyarakat atau komuniti dan kepuasan hidup). Durand dan Boarini (2016) menyatakan bahawa untuk kesejahteraan hidup yang berlaku secara berterusan pada setiap saat, ditentukan oleh empat modal iaitu modal alam, modal ekonomi, modal manusia dan modal sosial. Indikator kesejahteraan OECD dapat mendukung matlamat CSR dan menciptakan saling kaitan di antara *stakeholder*. White (2008) pula dalam kajiannya berpendapat kesejahteraan terbahagi kepada tiga dimensi iaitu subjektif (*subjective*), material (*material*) dan hubungan (*relation*). Dimensi material yang berhubungan dengan standard hidup iaitu pendapatan, aset, pekerjaan, pendidikan, kesihatan, akses dan perkhidmatan serta kualiti persekitaran. Dimensi hubungan yang berkaitan dengan peribadi dan hubungan sosial iaitu hubungan cinta dan kasih sayang, jaringan sosial, hubungan politik, hukum, kesejahteraan, sosial, budaya, konflik serta kekuasaan. Dimensi subjektif yang berhubungan nilai, persepsi dan pengalaman iaitu moral, aspirasi, harapan, perasaan, kesejahteraan, percaya kepada diri sendiri serta kepercayaan terhadap agama.

#### *Amalan Tanggungjawab Korporat dan Dimensi Kesejahteraan Komuniti*

CSR memberi impak kepada pembangunan komuniti. Kajian oleh Ismail, Alias, & Mohd Rasdi (2015) mendapati bahawa umumnya syarikat-syarikat yang menyertai CSR telah melaksanakan program CSR dan mereka mempunyai perniagaan teras dalam pelbagai sektor. Laporan penyelidikan oleh Brew et al. (2015) mendapati bahawa aktiviti CSR berkaitan dengan beberapa aspek kesihatan, pendidikan, bantuan komuniti, dan mata pencarian. Manakala Degie & Kebede (2017) membuat kesimpulan bahawa CSR memainkan peranan penting di antara kerajaan dan masyarakat setempat dan boleh menjadi teladan kerana program CSR menunjukkan bahawa perniagaan korporat mempunyai keupayaan untuk menangani keperluan masyarakat yang mendesak. Amalan CSR oleh syarikat dapat meningkatkan keupayaan masyarakat dan dimensi kesejahteraan komuniti. Selain itu, pengaruh etika CSR dan sumbangan derma yang diberikan oleh pihak syarikat sangat memberi kesan kepada pembangunan kelestarian masyarakat setempat (Al-Zyoud, 2017). Menurut Rudito (2014) amalan CSR dengan menggunakan pendekatan budaya dalam pembangunan komuniti telah menunjukkan perubahan positif terhadap aspek ekonomi dan kemampanan. Begitu juga Sarmila et al. (2015) menunjukkan sumbangan projek CSR kepada kebajikan ekonomi rakyat melalui penyediaan peluang pekerjaan sebagai sumber pendapatan dan pembiayaan aset. Oleh itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa secara langsung dan tidak langsung amalan CSR oleh pihak syarikat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, kita menggunakan penyesuaian istilah yang telah digunakan oleh penyelidik terdahulu yang sudah mempunyai pemboleh ubah yang sama dan tingkat keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Sanchez-Franco & Roldán, 2010). Hasil kajian oleh Walton, McCrea, & Leonard (2014) dalam penentuan dimensi CWB (sosial, ekonomi dan persekitaran) menggunakan skala Likert satu hingga lima untuk mengukur CWB. Karakteristik responden dalam kajian adalah individu yang tinggal di sekitar kawasan industri dan telah menjadi penerima bantuan syarikat sebagai sebahagian daripada program CSR. Penentuan responden dilakukan atau dipilih secara rawak (*random*) dengan melibatkan sebanyak 490 responden dengan menggunakan kaedah Krejcie & Morgan (1970). Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Analisis statistik deskriptif ini digunakan untuk menunjukkan nilai kekerapan, nilai peratus, nilai min, nilai sisihan piawai dari seluruh pemboleh ubah dan indikatornya. Data yang diperolehi akan dipaparkan melalui pembinaan jadual, grafik dan diagram, (Ott & Longnecker, M. 2001; Creswell, 2013)

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### *Demografi Responden*

Sampel dalam penyelidikan dipilih daripada 12 desa/kampung yang melibatkan seramai 490 orang. Huraian akan dilakukan mengenai profil responden meliputi aspek jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pengalaman kerja, pendapatan dan kedudukan sosial dalam masyarakat.

Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan responden berumur kurang dari 25 tahun seramai 11.84 peratus, responden berumur 25 hingga 35 tahun seramai 31.43 peratus, responden berumur 36-45 tahun seramai 33.47 dan responden berumur lebih daripada 45 tahun seramai 23.27 peratus. Secara keseluruhannya, taburan umur responden iaitu yang berumur 36 hingga 45 tahun adalah yang paling ramai. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa taburan umur responden relatif termasuk kategori umur produktif.

Indikator pendidikan yang dikenal pasti agak berbeza. Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah responden yang paling ramai adalah lepasan SMA yang berjumlah 39.80 peratus, kemudian lepasan SMP dengan nilai sebanyak 24.49 peratus diikuti oleh lepasan diploma seramai 7.14 peratus manakala untuk kategori lepasan sarjana sebanyak 9.39 peratus dan terdapat seorang responden yang lepasan doktor falsafah.

Pekerjaan responden yang berhampiran dengan aktiviti kilang nikel terdiri daripada jenis dan jumlah yang berbeza. Jadual 1 menunjukkan bahawa pekerjaan masyarakat yang paling ramai adalah responden yang bekerja di sektor swasta (jasa) dan wiraswasta atau peniaga yang merangkumi nilai sebanyak 41.43 peratus. Responden yang tidak memiliki pekerjaan tetap berjumlah 22.45 peratus, manakala pekerjaan responden sebagai petani/nelayan berjumlah 15.92 peratus. Selain masyarakat di kawasan sekitar aktiviti kilang, terdapat juga responden yang berstatus pencen daripada kakitangan syarikat iaitu merangkumi bilangan sebanyak 5.92 peratus.

Jadual 1: Profil responden

<b>Item</b>	<b>Bilangan</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>		
▪ Lelaki	282	57.55
▪ Perempuan	208	42.45
<b>Umur</b>		
▪ Kurang daripada 25 tahun	58	11.84
▪ 25-35 tahun	154	31.43
▪ 36-45 tahun	164	33.47
▪ Lebih daripada 45 tahun	114	23.27
<b>Tahap Pendidikan</b>		
▪ Sekolah rendah/dasar (SD)	29	5.92
▪ Sekolah menengah pertama/rendah (SMP)	120	24.49
▪ Sekolah menengah atas (SMA)	195	39.80
▪ Sekolah menengah kejuruan (SMK)	64	13.06
▪ Sekolah Diploma (D3)	35	7.14
▪ Sarjana (S1)	46	9.39
▪ Doktor (S3)	1	0.20
<b>Pekerjaan</b>		
▪ Petani/Nelayan	78	15.92
▪ Pegawai Kerajaan	70	14.29
▪ Swasta/wiraswasta	203	41.43
▪ Bekas karyawan PT. ANTAM	29	5.92
▪ Pengangguran (tidak punya pekerjaan tetap)	110	22.45
<b>Pengalaman bekerja (tahun)</b>		
▪ <1 tahun	14	2.86
▪ 1-5 tahun	205	41.84
▪ 6-10 tahun	103	21.02
▪ 11-15 tahun	98	20.00
▪ >15 tahun	70	14.29
<b>Pendapatan (sebulan)</b>		
▪ < Rp. 500.000	88	17.96
▪ Rp. 500.000-Rp. 1.000.000	81	16.53
▪ Rp. 1.000.000-Rp. 1.500.000	113	23.06
▪ Rp.1.500.000-Rp. 2.000.000	64	13.06
▪ > Rp. 2.000.000	144	29.39
<b>Kedudukan sosial dalam masyarakat</b>		
▪ Ahli Masyarakat Biasa	429	87.55
▪ Ketua RT/RW	4	0.82
▪ Imam Surau/Masjid	2	0.41
▪ Pemuka/Tokoh Masyarakat	38	7.76
▪ Kepala Adat	2	0.41
▪ Pegawai pemerintah desa/kampung	15	3.06

Sumber : Diolah dari Data Primer, (2018)



Jadual 1 menunjukkan jumlah bilangan responden berdasarkan jenis pekerjaannya berkisar satu hingga lima tahun iaitu seramai 41.84 peratus dan diikuti pengalaman kerja responden enam hingga sepuluh tahun seramai 21.02 peratus dan di atas 15 tahun seramai 14.29 peratus, manakala yang paling rendah adalah pengalaman kerja di bawah satu tahun iaitu seramai 2.87 peratus.

Kajian ini mengenal pasti bahawa pendapatan responden di wilayah kajian adalah berbeza-beza. Berdasarkan jadual 1 menunjukkan pendapatan responden yang tertinggi iaitu melebihi Rp. 2000.000 bagi setiap bulan seramai 29.39 peratus orang, diikuti pendapatan berkisar Rp. 1000.000-Rp 1.500.000 bagi setiap bulan berjumlah 23.06 peratus, manakala pendapatan yang terendah adalah di bawah Rp. 500.000 bagi setiap bulan merangkumi jumlah 17.96 peratus responden. Sebahagian besar responden iaitu 87.55 peratus dalam kajian ini adalah terdiri daripada ahli masyarakat biasa. Manakala responden lainnya terbahagi dalam beberapa status sosial yang berbeza seperti responden yang terdiri daripada tokoh masyarakat seramai 7.76 peratus, ketua RT/RW seramai 0.82 peratus, sebagai pegawai pemerintah desa/kampung pula seramai 3.06 peratus.

#### *Hasil Kajian Dimensi Sosial, Ekonomi dan Persekitaran*

Kajian ini menyelidiki enam dimensi kesejahteraan komuniti iaitu sosial budaya, pemeraksanaan ekonomi, persekitaran, kesihatan, pendidikan, dan perkhidmatan serta infrastruktur. Skala likert digunakan untuk mengukur persepsi responden terhadap kesejahteraan iaitu sangat setuju, setuju, neutral, tidak setuju dan sangat tidak setuju yang dapat mewakili penilaian komuniti (Budiaji, 2013).

#### *Aspek Kesejahteraan Sosial*

Aspek sosial budaya mengandungi enam soal selidik yang berkaitan dengan kesejahteraan komuniti. Penilaian terhadap aspek sosial dalam kesejahteraan komuniti mengikut hirarki nilai ukuran min. Jadual 2 menunjukkan bahawa secara umumnya dapatan kajian ini komuniti memberikan penilaian terhadap aspek sosial adalah berkategori tinggi iaitu ( $M=3.77$  dan  $SP=0.732$ ).

Terdapat lima item yang mendapat peratusan yang berkategori setuju dan skor min berkategori tinggi daripada persepsi komuniti iaitu setiap anggota masyarakat mempunyai hubungan yang semakin ramah seramai 74.7 peratus, diikuti anggota masyarakat semakin bekerjasama sekiranya terdapat masalah yang serius seramai 67.8 peratus, setiap anggota masyarakat semakin bersedia menerima kehadiran tetamu seramai 66.9 peratus, setiap ahli komuniti bersedia membantu antara satu sama yang lain seramai 63.3 peratus dan komuniti sering berkunjung ke rumah seseorang 62.9 peratus. Namun terdapat satu item yang dinilai oleh komuniti dianggap sederhana iaitu gejala jenayah seperti pencurian semakin berkurangan di desa ini seramai 44.9 peratus.

Jadual 2: Aspek Kesejahteraan Sosial

Pernyataan	Sangat tidak setuju %	Tidak setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %	Min	Sisihan Piawai
Setiap warga masyarakat semakin bersedia membantu antara satu sama yang lain.	1.6	4.9	14.7	63.3	15.5	3.86	0.792
Setiap warga masyarakat mempunyai hubungan yang semakin ramah.	0.2	1.8	12.7	74.7	10.6	3.94	0.567
Setiap warga masyarakat semakin bekerjasama sekiranya terdapat masalah yang serius.	0.4	2	20.8	67.8	9	3.83	0.623
Anda sering berkunjung ke rumah seseorang.	1	4.5	16.3	62.9	15.3	3.87	0.756
Setiap warga masyarakat semakin bersedia menerima kehadiran tetamu	1	4.5	16.9	66.9	9	3.80	0.701
Gejala jenayah seperti pencurian semakin berkurangan di desa ini.	2.2	20.6	25.7	44.9	6.9	3.33	0.954
<b>Keseluruhan Kategori</b>						<b>3.77</b>	<b>0.732</b>
							<b>Tinggi</b>

Nota: Kategori Min = rendah (1.00-2.32), sederhana (2.33-3.65), tinggi (3.66-5.00)

Sumber : Diolah dari Data Primer, (2018)

Dimensi sosial budaya memperoleh penilaian daripada komuniti pada tahap yang tinggi. Hal ini disebabkan oleh responden setuju bahawa kehadiran syarikat semakin meningkatkan kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Setiap anggota masyarakat semakin bersedia menerima kehadiran tetamu, dan anggota masyarakat mempunyai hubungan yang semakin ramah. Kajian ini menyokong kajian yang telah dibuat oleh McCrea et al., (2014), Cristakopoulou et al., (2001), dan Marton and Edwards (2012) bahawa dimensi hubungan antara ahli komuniti dari sudut kerjasama, interaksi sosial, kepercayaan, dan komunikasi memberikan impak kepada perubahan sosial. Dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Sirgy et al., (2010) yang menyatakan interaksi antara tetangga dan interaksi sosial boleh mempengaruhi kesejahteraan sosial (social well-being). Kajian ini selari dengan pernyataan Wilson (2010) bahawa pengurusan sumber alam dapat menyebabkan perubahan modal sosial (*social capital*). Modal sosial adalah sebahagian daripada sumber komuniti (Flora dan Flora 2013).

### Aspek Kesejahteraan Ekonomi

Aspek pemerksaan ekonomi mengandungi enam soal selidik yang berkaitan dengan kesejahteraan komuniti. Penilaian terhadap pemerksaan ekonomi dalam kesejahteraan komuniti mengikut nilai ukuran min. Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhan komuniti memberikan penilaian terhadap aspek pemerksaan adalah berkategori sederhana iaitu (M=3.08 dan SP=0.702). Secara terperinci, terdapat satu item saja yang mendapat skor min berkategori tinggi (M=3.66) iaitu semakin banyak premis perniagaan/perusahaan didirikan di desa, dan lima

item lain berkategori sederhana. Item yang dinilai setuju oleh komuniti dan tertinggi daripada semua ukuran skala adalah bahawa program pemerksaan komuniti menambah hasil tani/nelayan/perniagaan seramai 59.4 peratus, diikuti oleh keuntungan perniagaan/industri komuniti di desa adalah lebih baik akibat sokongan modal dan peralatan daripada syarikat seramai 57.3 peratus. Kumpulan usaha di desa ini lebih mandiri 56.5 peratus dan semakin banyak premis perniagaan/perusahaan didirikan di desa ini seramai 53.3 peratus.

Jadual 3: Aspek Kesejahteraan Ekonomi

Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min	Sisihan Piawai
	%	%	%	%	%		
Kehadiran CSR syarikat menyebabkan berkurangnya pengangguran di desa.	4.1	13.3	26.6	48.6	8	3.41	0.955
Kumpulan usahawan di desa ini lebih mandiri.	1.2	7.3	28	56.5	6.9	3.61	0.774
Pemerksaan ekonomi local mengurangkan jenayah di desa ini.	1.4	12.9	32.9	48	4.9	3.42	0.828
Pendapatan saya bertambah untuk membiayai kehidupan di desa ini.	1.6	15.9	30.4	47.3	4.7	3.38	0.864
Pendapatan saya lebih daripada mencukupi untuk membiayai gaya hidup.	2.4	14.3	31.8	45.5	5.9	3.38	0.888
Program pemerksaan komuniti menambah hasil tani/nelayan/industri di desa ini.	0.6	7.8	26.5	59.4	5.7	3.62	0.737
Keuntungan perniagaan/industri di desa lebih baik akibat bantuan modal dan peralatan daripada syarikat.	0.8	8	28.6	57.3	5.3	3.58	0.747
Semakin banyak premis perniagaan/perusahaan di dirikan di desa ini.	4	7.1	28.8	53.3	10.4	3.66	0.775
<b>Keseluruhan</b>						<b>3.081</b>	<b>0.702</b>
<b>Kategori</b>							<b>Sederhana</b>

Nota: Kategori Min = rendah (1.00-2.32), sederhana (2.33-3.65), tinggi (3.66-5.00)

Sumber : Diolah dari Data Primer, (2018)

Dimensi pemerksaan ekonomi memperoleh penilaian daripada komuniti pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh responden bersetuju bahawa kehadiran CSR syarikat menyebabkan berkurangnya pengangguran di desa. Kumpulan usaha yang terlibat menjadi mandiri, semakin banyak premis perniagaan/perusahaan didirikan di desa, pemerksaan ekonomi tempatan dapat mengurangkan jenayah di desa, keuntungan perniagaan/industri komuniti di desa menjadi lebih baik akibat sokongan modal dan peralatan daripada syarikat, pendapatan saya bertambah untuk membiayai kehidupan di desa ini, program pemerksaan komuniti menambah hasil tani/nelayan/industri di desa. Pernyataan daripada penilaian komuniti telah membuktikan bahawa kajian ini sangat kuat dan menyokong dimensi-dimensi ekonomi daripada kajian sebelumnya seperti sumber pendapatan menyokong CWB (Christakopoukalis et al. 2001; Sirgy

et al., 2010), pemerksaan ekonomi tempatan (Morton and Edwards, 2012), penyediaan peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran (McCrea, Walton & Leonard, 2014).

*Aspek Kesejahteraan Persekitaran*

Aspek persekitaran mengandungi enam soal selidik yang berkaitan dengan kesejahteraan komuniti. Penilaian terhadap persekitaran dalam kesejahteraan komuniti mengikut nilai ukuran min. Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhan komuniti memberikan penilaian terhadap aspek persekitaran adalah berkategori sederhana (M=3.37 dan SP=0.851). Secara keseluruhan item mendapat skor min berkategori sederhana. Item yang dinilai setuju dan peratus tertinggi (>50 %) daripada semua ukuran skala hanya terdapat 2 item iaitu kualiti air sungai baik untuk masa hadapan seramai 57.1 peratus dan kualiti air tanah bertambah baik untuk masa hadapan seramai 50.8 peratus. Manakala terdapat satu item yang penting yang menurut penilaian komuniti tidak setuju bahawa debu dan gas akibat operasi perlombongan dan kilang nikel akan semakin berkurangan pada masa hadapan di desa (23.7%), sangat tidak setuju (6.3 %), tidak pasti atau neutral (29.4%) dan hanya (38%) yang bersetuju. Ini bermakna ahli komuniti yang mempunyai persepsi tidak setuju dan sangat tidak setuju sekiranya dijumlahkan maka bilangan peratus adalah mencapai 30 peratus. Komuniti yang menilai syarikat akibat tidak berpuas hati dengan pengurusan debu dari operasi kilang dipaparkan dalam jadual 4.

Dimensi persekitaran memperoleh penilaian daripada komuniti pada tahap sederhana. Dalam dimensi persekitaran, responden bersetuju bahawa syarikat telah melakukan pengurusan kualiti air tanah, air sungai, ekosistem laut dan kebisingan akibat operasi perlombongan dan kilang nikel semakin berkurangan di kawasan berhampiran yang memberikan sumbangan terhadap dimensi persekitaran. Manakala penilaian komuniti terhadap debu dan abu akibat operasi perlombongan dan kilang nikel dianggap setuju bahawa tidak ada pengurusan. Pernyataan daripada penilaian komuniti telah membuktikan bahawa kajian ini sangat kuat dan menyokong dimensi-dimensi persekitaran daripada kajian Christakopoukalis et al., (2001), Sirgy et al. (2010), Walton, McCrea, & Leonard, (2014) bahawa kualiti persekitaran (kualiti air, udara dan flora fauna serta ekosistem laut adalah aspek penting dalam dimensi kesejahteraan persekitaran (*Environmental well-being*)).

Jadual 4. Aspek Persekitaran

Pernyataan	Sangat tidak setuju %	Tidak setuju %	Tidak pasti %	Setuju %	Sangat setuju %	Min	Sisihan Piawai
Kualiti air tanah bertambah baik pada masa hadapan di desa ini.	1.2	7.6	26.7	57.1	7.3	3.47	0.789
Kualiti air sungai bertambah baik untuk masa hadapan desa ini.	0.8	12.2	30	50.8	6.1	3.49	0.817
Kualiti ekosistem laut terjaga untuk masa hadapan.	1.2	10.4	32.7	49.8	5.9	3.49	0.807
Kebisingan akibat operasi perlombongan dan kilang nikel semakin berkurangan di desa ini	2.4	11.4	33.9	50	2.2	3.38	0.811

Debu dan gas akibat operasi perlombongan dan kilang nikel semakin berkurangan di desa ini.	6.3	23.7	29.4	38	2.7	3.07	0.986
Hidupan flora fauna bertambah baik di desa ini.	2.9	15.9	31.9	44.9	4.9	3.33	0.9
<b>Keseluruhan</b>						<b>3.37</b>	<b>0.851</b>
<b>Kategori</b>							<b>Sederhana</b>


Nota: Kategori Min = rendah (1.00-2.32), sederhana (2.33-3.65), tinggi (3.66-5.00)

Sumber : Diolah dari Data Primer, (2018)

### *Amalan CSR menyokong Dimensi CWB*

Ujian statistik deskriptif menunjukkan bahawa dimensi CWB berada pada tahap sederhana hingga tahap tinggi. Ini bermakna bahawa terdapat amalan CSR yang menyokong dimensi CWB. Antara dimensi CWB berkategori tinggi berasaskan penilaian komuniti tempatan adalah aspek sosial yang berkategori tinggi iaitu (M=3.77 dan SP=0.732). Manakala dimensi CWB berkategori sederhana adalah aspek pemeraksanaan ekonomi berkategori sederhana (M=3.08 dan SP=0.702) dan aspek persekitaran berkategori sederhana (M=3.37 dan SP=0.851). Rajah 1 menggambarkan tahap dimensi CWB. Dimensi pemeraksanaan ekonomi masih berada pada tahap terendah sekiranya dibandingkan dengan dimensi yang lain.

Rajah 1 Tahap Dimensi CWB



Sumber : Diolah dari Data Primer, (2018)

Hasil kajian ini konsisten dengan konsep CSR yang dinyatakan oleh Kotler dan Lee (2005) bahawa peranan CSR adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penggunaan sumber syarikat. Kajian ini juga membuktikan definisi daripada “Majlis Perniagaan Dunia untuk Pembangunan Mampan” (*World Business Council for Sustainable Development*) bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen berterusan oleh syarikat untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi sambil meningkatkan kualiti hidup tenaga kerja dan keluarga mereka serta masyarakat setempat (Holmes dan Watts, 1999).

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Ismail *et al.* (2015) yang menyatakan bahawa secara umum syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam CSR dan melaksanakan program-program CSR mengambil tanggungjawab undang-undang pada kedudukan orientasi yang paling penting dengan penuh beretika. Dalam penemuannya juga dinyatakan aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan adalah sebahagian daripada sumbangan CSR yang dominan. Demikian juga daripada laporan penyelidikan oleh Brew, Junwu, & Addae-Boateng (2015) mendapati bahawa aktiviti CSR berkaitan dengan beberapa aspek kesihatan, pendidikan, bantuan masyarakat dan mata pencarian. Daripada hasil kajian tersebut telah memperkukuhkan lagi dapatan kajian Ait Sidhoum dan Serra, (2017) yang telah memperlihatkan hubungan positif yang signifikan antara prestasi ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam dimensi CSR. Dapatan kajian ini juga diperkukuhkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh Degie dan Kebede (2017) yang menyatakan bahawa CSR boleh menjadi aspek penting antara kerajaan dan masyarakat tempatan serta boleh menjadi teladan kerana CSR membuktikan bahawa korporat perniagaan mempunyai keupayaan untuk menangani keperluan masyarakat yang mendesak. Kajian ini menunjukkan bahawa amalan CSR oleh syarikat boleh meningkatkan keupayaan komuniti dan dimensi CWB. Kajian ini juga menyokong kajian Al-Zyoud (2017) yang mendapati pengaruh etika dan kedermawanan CSR menunjukkan kesan yang signifikan terhadap pembangunan komuniti yang lestari. Ini bersesuaian dengan maklumat yang dikongsikan oleh Rudito (2014) yang menunjukkan bahawa amalan CSR menggunakan pendekatan budaya sebagai kaedah utama untuk pembangunan masyarakat serta dapat membawa perubahan positif dari segi ekonomi dan meningkatkan kemapanan.

Penemuan daripada kajian ini juga menyokong kajian yang telah dibuat oleh Sarmila *et al.*, (2015) bahawa projek-projek CSR telah memberi sumbangan kepada kebajikan ekonomi rakyat, iaitu dalam bentuk peluang pekerjaan, sumber pendapatan dan pembiayaan aset. Oleh itu, kajian ini telah menyokong daripada kajian terdahulu menunjukkan bahawa secara langsung dan tidak langsung, amalan CSR menyumbang kepada dimensi-dimensi CWB. Walau bagaimanapun dalam kajian ini telah mendapati bahawa masih terdapat dua dimensi yang perlu diberi perhatian oleh syarikat agar dapat ditingkatkan iaitu dimensi ekonomi dan persekitaran.

## **KESIMPULAN**

Amalan CSR perlombongan dan kilang nikel telah menyokong perubahan kesejahteraan komuniti. Ini dapat ditunjukkan melalui penilaian yang telah dilakukan oleh komuniti terhadap aspek sosial, pemerikasaan ekonomi dan aspek persekitaran. Perubahan dimensi kesejahteraan sebagai indikator bahawa terdapat hubungan positif antara amalan CSR dengan CWB. Ini juga bermakna bahawa amalan CSR telah menyumbang terhadap amalan dimensi CWB. Walau bagaimanapun masih terdapat dimensi CWB yang masih perlu ditingkatkan seperti dimensi ekonomi dan persekitaran yang masih berada pada kategori sederhana.

## RUJUKAN

- Ait Sidhoum, A., & Serra, T. (2017). Corporate Sustainable Development. Revisiting the Relationship between Corporate Social Responsibility Dimensions. *Sustainable Development*.
- Al-Zyoud, I., (2017). Impact of Corporate Social Responsibility Implementation in Jordanian Public Shareholding Companies on Sustainable Development. *Asian Social Science* 13(2): 94.
- Arnold, M. F., Louche, C., Idowu, S. L., & Filho, W. L., (2010). Competitive advantage from CSR programmes. *Louche, C., Idowu, SO, Filho, WL (Eds.), Innovative CSR: From Risk Management to Value Creation, Greenleaf Publishing Limited, Sheffield*.
- Beckley, T., Parkins, J., & Stedman, R., (2002). Indicators of forest-dependent community sustainability: The evolution of research. *The Forestry Chronicle*, 78(5), 626-636.
- Bowen, H. R., (1953). *Social responsibilities of the businessman*. New York: Harper & Row
- Brew, Y., Junwu, C., & Addae-Boateng, S., (2015). Corporate social responsibility activities of mining companies: The views of the local communities in Ghana. *American Journal of Industrial and Business Management* 5(06): 457.
- Budiaji, W., (2013). Skala pengukuran dan jumlah respon skala likert. *Jurnal Ilmu Pertanian dan Perikanan*, 2(2), 127-133.
- Buot, M.M., Cardenas, V.R., Nelson, G.L.M., Quimbo, M.A.T. and Dizon, J.T., (2016). Meanings of Community Wellbeing In Disaster Prone Areas In The Philippines. [https://www.researchgate.net/profile/Josefina\\_Dizon/publication/](https://www.researchgate.net/profile/Josefina_Dizon/publication/)
- Carroll, A. B., (1991). The pyramid of corporate social responsibility: Toward the moral management of organizational stakeholders. *Business horizons* 34(4): 39-48.
- Charitoudi, G., Giannarakis, G., & Lazarides, T. G., (2011). Corporate social responsibility performance in periods of financial crisis. *European Journal of Scientific Research* 63(3):447-455
- Christakopoulou, S., Dawson, J. and Gari, A., (2001). The community well-being questionnaire: Theoretical context and initial assessment of its reliability and validity. *Social Indicators Research* 56(3):319-349. .
- Creswell, J. W., (2013). *Research design : qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (Fourth Edition ed.). California: Sage Publications Ltd.
- Degie, B., & Kebede, W., (2017). Corporate social responsibility and its prospect for community development in Ethiopia. *International Social Work*,
- Durand, M. and Boarini, R., (2016). Well-Being as a Business Concept. *Humanistic Management*
- Flint, C. G., Luloff, A. E., & Finley, J. C., (2008). Where is “community” in community-based forestry?. *Society and Natural Resources*, 21(6): 526-537.
- Flora, C. and J. Flora., (2013). *Rural Communities: Legacy and Change*, 4th ed. Boulder, CO: Westview Press.
- Freeman, R. E., (1984). *Strategic Management: A Stakeholder Approach*. Pitman, Boston.
- Hart, M., (1999). Guide to Sustainable Community Indicators. Hart Environmental Data. Available Online: <http://www.sustainablemeasures.com/> (4 December 2017)
- Holme, R., & Watts, P., (1999). Corporate social responsibility. *Geneva: World Business Council for Sustainable Development*.

- Ismail, M., Alias, S. N., & Mohd Rasdi, R., (2015). Community as stakeholder of the corporate social responsibility programme in Malaysia: outcomes in community development. *Social Responsibility Journal* 11(1):109-130.
- Kotler, P., & Lee, N., (2005). Best of breed: When it comes to gaining a market edge while supporting a social cause, “corporate social marketing” leads the pack. *Social marketing quarterly* 11(3-4):91-103.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational & Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Lee, S.J. and Kim, Y., (2015). *Searching for the meaning of community well-being. In Community Well-Being and Community Development* (pp. 9-23). Springer International Publishing.
- Matten, D., & Moon, J., (2008). “Implicit” and “explicit” CSR: A conceptual framework for a comparative understanding of corporate social responsibility. *Academy of management Review*, 33(2), 404-424.
- McCrea, R., Walton, A., & Leonard, R., (2014). A conceptual framework for investigating community wellbeing and resilience. *Rural Society*, 23(3), 270-282.
- Miles, R. L., Greer, L., Kraatz, D., & Kinnear, S., (2008). Measuring community wellbeing: a central Queensland case study. *Australasian Journal of Regional Studies*, 14(1), 73.
- Morton, A. and Edwards, L., (2012). *Community Wellbeing Indicators, Survey Template for Local Government*. Sydney, NSW: Australian Centre of Excellence for Local Government, University of Technology.
- Murphy, B. L., (2007). Locating social capital in resilient community-level emergency management. *Natural Hazards*, 41(2), 297-315.
- Murphy, B.L., (2010). *Community Well-Being: An Overview of the Concept*. NWMO. Available Online: [http://nwmo.ca/uploads\\_managed/MediaFiles/1681\\_researchsupportprogram\\_communitywellbeingoverview](http://nwmo.ca/uploads_managed/MediaFiles/1681_researchsupportprogram_communitywellbeingoverview). (1 November 2017)
- Ott, R.L. and Longnecker, M.T., (2015). *An introduction to statistical methods and data analysis*. Nelson Education.
- Ramsey, D., Smit, B., (2002). Rural community well-being: models and application to changes in the tobacco-belt in Ontario, Canada. *Geoforum* 33(3): 367-384.
- Rogers, M., & Ryan, R., (2001). The triple bottom line for sustainable community development. *Local Environment*, 6(3), 279-289.
- Rudito, B., (2014). The improvement of community economy as impact of corporate social responsibility program: A case study in Pengalengan, Bandung, West Java, Indonesia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 164: 471-476.
- Russo, A., & Perrini, F., (2010). Investigating stakeholder theory and social capital: CSR in large firms and SMEs. *Journal of Business ethics*, 91(2), 207-221.
- Sanchez-Franco, M. J., & Roldán, J. L., (2010). Expressive aesthetics to ease perceived community support: Exploring personal innovativeness and routinised behaviour as moderators in Tuenti. *Computers in Human Behavior*, 26(6), 1445-1457.
- Sarmila, M.S., Zaimah, R., Lyndon, N., Hussain, M.Y. and Awang, A.H., (2015). Local community economic wellbeing through CSR project. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4):79.



- Shengtian, H., Weihui, F., & Xiaosong, L., (2010). Achieving sustainability with a stakeholder-based CSR assessment model for FIEs in China. *Journal of International Business Ethics*, 3(1), 41.
- Sirgy, M.J., Widgery, R.N., Lee, D.J., and Yu, G.B., (2010). Developing a measure of community well-being based on perceptions of impact in various life domains, *Social Indicators Research* 96(2): 295–311.
- Walton, A., McCrea, R. and Leonard, R., (2014). CSIRO survey of community wellbeing and responding to change: Western Downs region in Queensland. *Australia: CSIRO Land and Water Retrieved from [http://gisera.org.au/publications/tech\\_reports\\_papers/socioeco-proj-3-community-wellbeing-report.pdf](http://gisera.org.au/publications/tech_reports_papers/socioeco-proj-3-community-wellbeing-report.pdf)*.
- White, S.C., (2008). But what is wellbeing? : A Framework for analysis ini social and development polity and Practice. Paper for Regeneration and Wellbeing: Research into Practice University of Bradford, 24-25 April 2008. ESRC Research Group on Wellbeing in Development Countries University Of Bath, UK.

**Iskandar Zainuddin Rela**

Calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
sikkyach@yahoo.com

**Abd Hair Awang (PhD),**

Professor Madya di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
hair@ukm.edu.my

**Zaimah Ramli (PhD),**

Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
zaimahr@ukm.edu.my

**Suhana Saad (PhD),**

Professor Madya di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
suhanaasad@ukm.edu.my